

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah–langkah yang akan diambil untuk melaksanakan “*transparency mechanism*” untuk memastikan harga ubat–ubatan berpatutan selaras dengan perbincangan di *World Health Organisation* baru-baru ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan pencapaian resolusi “*improving the transparency of markets for medicines, vaccines, and other health products*” yang dibincangkan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) kali ke-72 yang diadakan pada 20 hingga 28 Mei 2019 di Geneva. Resolusi ini menggesa negara-negara anggota untuk mengambil pendekatan perkongsian secara terbuka maklumat harga, kos ubat-ubatan, status paten dan kelulusan pemasaran produk. Kementerian percaya langkah ini akan membantu mengukuhkan kedudukan rundingan Kerajaan dan meningkatkan keupayaan Negara mendapatkan harga ubat yang berpatutan dalam mengatasi peningkatan kos penjagaan kesihatan.

KKM telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan harga ubat-ubatan berpatutan dan meningkatkan akses seperti “*pool procurement*” antara Kementerian, rundingan harga secara aktif, serta penglibatan dalam penyelidikan dan pembangunan melalui kerjasama *Clinical Research Malaysia* (CRM) dengan institusi R & D seperti *Drugs for Neglected Diseases Initiative* (DNDi). Di samping itu, perkongsian Harga Panduan Pengguna di laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi www.pharmacy.gov.my boleh diakses oleh orang awam dalam mendapatkan maklumat tentang harga ubat-ubatan.

Langkah yang sedang diambil oleh KKM untuk melaksanakan “*transparency mechanism*” adalah dengan pelaksanaan kawalan harga ubat. Mekanisme harga ubat yang dicadangkan adalah melibatkan dua peringkat kawalan iaitu harga borong maksimum berdasarkan penandaarasan harga antarabangsa, dan harga pengguna maksimum melalui tokokan (*mark-up*). Ketelusan maklumat harga menjadi asas dalam penetapan harga bagi mekanisme tersebut.

Sekian, terima kasih.